

Mahathir enggan campur krisis pelajar

Oleh SHAFIE NOR

KUALA LUMPUR, Khamis. — Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau tidak mahu campur tangan dalam krisis pelajar Universiti Malaya sekarang, dan memberi jaminan Universiti tidak akan ditutup, "melainkan timbul huruhara."

"Saya sendiri tidak terlibat dalam krisis tersebut," tegas Menteri Pelajaran itu sambil menolak tuduhan pelajar Universiti Sains Malaysia kononnya beliau bertindak untuk memecahbelahkan para pelajar.

"Saya tidak mahu campur tangan dalam krisis itu," Dr. Mahathir mengulangi lagi.

Katanya, beliau sendiri tidak pernah menemui sebarang pelajar Universiti Malaya, te-

Pihak Universiti juga, tambahnya, sedang mencari jalan supaya kedua pihak pelajar yang bertentangan di Universiti itu dapat bekerjasama.

"Tetapi pensyarah dan tutor serta kakitangan lain tidak boleh mengambil bahagian atau melibatkan diri dalam krisis ini dengan menyebelahi sesuatu golongan pelajar.

Tidak setuju

tapi tetap berhubung dengan pihak pentadbir universiti tersebut.

Beliau berunding dengan Naib Canselor, Professor Ungku Aziz dan Pemangku Naib Canselor, Professor Ahmad Ibrahim semalam mengenai perkara-perkara yang berbangkit berikutan tunjuk perasaan pelajar Sabtu lalu.

Katanya, pihak Pentadbir Universiti sedang cuba menyelesaikan masalah yang timbul.

Tak ditutup

"Saya memberi jaminan Universiti Malaya tidak akan ditutup, kalau jadi "perang," baru kita tutup," tegasnya dan mengesyorkan dibentuk sebuah badan khas yang mewakili kedua pihak pelajar.

Beliau menyeru kakitangan Universiti Malaya, baik pensyarah dan tutornya jangan cuba campur tangan hingga mengeruhkan suasana dalam krisis pelajar itu.

"Sebab itu saya tidak turut campur, tambahan pula keadaan tidak begitu serius. Bagaimanapun saya akan bertindak jika keadaan memaksa, misalnya berlaku kekacauan atau huruhara.

"Pihak Majlis Universiti sedang berusaha memulihkan keadaan mengikut kuasa-kuasa yang ada dalam Perlembagaan Universiti itu," ujarnya.

"Tutor dan penarah adalah kakitangan Universiti, dan mereka tidak boleh mengambil bahagian dalam sesuatu masaalah yang melibatkan penuntut," tegas beliau.

Dr. Mahathir menerangkan keadaan di Kampus Universiti Malaya tidak 100 peratus tenang walaupun pada keseluruhannya beransur pulih.

Mengenai tindakan menggantung Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM), Dr. Mahathir berkata, keputusan itu diambil berikutan tindakan PMUM sendiri yang menyebabkan keadaan kelam-kabut di kampus.

Menurut beliau, sebahagian pelajar tidak bersetuju terhadap tindakan PMUM membentuk Majlis Tindakan Sementara (MTS) dan mengambil alih pentadbiran universiti itu.

Dr. Mahathir berkata, ini jelas menunjukkan pimpinan PMUM tidak lagi mendapat sokongan sebahagian besar para pelajar.

Mengikutnya, beliau tidak nampak mengapa penuntut mesti memulaukan kuliah kerana pihak Majlis Tertinggi Nasionals (MTN) telah menyerahkan kuasa kepada pentadbir dan Rumah Persatuan Mahasiswa yang didudukinya.

Ditanya tentang tuduhan

★ Muka 12 ruang 6

Majlis PMUM tolak usul badan pemulih

★ DARI MUKA 1

han bahawa krisis yang timbul Sabtu lalu dipengaruhi dari luar, Dr. Mahathir berkata:

"Apa yang nyata perkara ini timbul bersabit setingan di Johor Baharu.

"Perkara ini cuba diperjuangkan oleh Parti Sosialis Rakyat, kemudian disusuli oleh PMUM dan Kelab Sosialis.

Tidak dapat dinafikan kedua ini mempunyai hubungan," katanya.

Sementara itu kampus Universiti Malaya masih ditutup kepada orang ramai, tetapi keadaannya tenang sepanjang hari ini.

Anggota-anggota Pasukan Simpanan Khas Polis dan Pasukan Polis Hutan masih mengadakan kawalan ketat di kedua pintu masuk ke Kampus.

Hanya kakitangan dan para pelajar universiti sahaja dibenarkan masuk setelah disoal.

Senete Universiti Malaya bersidang petang ini, dan Majlis Universiti pula akan bersidang esok untuk membincangkan

keadaan yang timbul dan kedudukan PMUM yang digantung itu.

Sementara itu Majlis Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya yang ke 16 malam tadi menolak cadangan untuk menubuhkan badan pemulih yang mewakili semua penuntut di universiti tersebut.

Tauladan

Jurucakap Majlis tersebut berkata, jika badan itu ditubuhkan, ia akan hanya merupakan satu tauladan dan lebih banyak badan akan dibentuk jika berlaku sebarang perbalahan di masa hadapan.

Majlis juga mengamalkan keputusan untuk mengadakan tanah dika-langan 8,700 orang anggotanya untuk menentukan samada akan meluluskan usul tidak percaya atau sebaliknya terhadap Majlis itu.

"Jika keputusan yang dicapai menolak Majlis tersebut, anggota Majlis yang ke 17 yang telah dipilih terpaksa meletak jawatan," kata kenya-taan itu.